

## Untuk Siaran Segera



### **PR1MA MEMPERKASA PENYEDIAAN KEDIAMAN MAMPU MILIK UNTUK RAKYAT MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR, 23 OKTOBER** - Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming telah mengadakan lawatan rasmi ke Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu peneraju utama kediaman mampu milik di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersempena Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT Bil 22/2023 yang diadakan di Ibu Pejabat PR1MA baru-baru ini. Lawatan ini disambut Pengerusi PR1MA, Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Anggota Perbadanan PR1MA, Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff.

Semasa lawatan tersebut, YB Nga Kor Ming turut menyampaikan amanat kepada lebih daripada 100 kakitangan pengurusan PR1MA. Dalam ucapannya, beliau menyatakan harapan dan sokongan terhadap perancangan pembinaan Bandar Mini PR1MA yang akan dimulakan di Teluk Intan. Beliau turut menggesa semua agensi Kerajaan untuk bekerjasama secara bersepadu merentasi Kementerian bagi menyediakan rumah mampu milik untuk rakyat Malaysia. Menyokong amanat ini, PR1MA turut menjalinkan kerjasama dengan agensi KPKT yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), dan sebagainya bagi pembangunan Bandar Mini PR1MA.

YB Nga Kor Ming turut menekankan bahawa sejajar dengan konsep MADANI, PR1MA tidak hanya berperanan untuk membina rumah, tetapi juga untuk membentuk komuniti moden dan inklusif. Ini termasuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan awam yang boleh memanfaatkan para penduduk, justeru membina suasana komuniti yang harmoni. PR1MA melihat konsep MADANI sebagai landasan utama untuk mencapai matlamat jangka panjang untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada seluruh rakyat Malaysia dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, keyakinan awam yang tinggi, serta masyarakat yang berkembang secara holistik.

Beliau juga menekankan kepentingan untuk memastikan rumah-rumah baru yang dibina adalah berkualiti, berdaya huni, dan mesra alam. PR1MA telah menerima pelbagai anugerah industri seperti Anugerah Hari SHEQ 2023 anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Star Property Awards 2023, 9th PropertyGuru Asia Awards Malaysia dan Brandlaureate BestBrand Award 2021-2022. Ini merupakan pengiktirafan bagi usaha PR1MA sebagai pemaju hartanah yang

menyumbang kepada pembangunan industri perumahan Malaysia yang menyediakan kediaman berkualiti.

Aspirasi PR1MA adalah untuk menjadi pemaju hartanah yang berdaya saing, mempunyai reputasi tinggi, dan dalam masa yang sama memenuhi keperluan rakyat dalam memiliki unit kediaman berkualiti tinggi dan mampu milik.

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)